



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Department of Social Welfare

Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1656/ 1658
Faks (Fax): 603-8323 2045
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Rujukan Kami: JKM100/01/1/1/ Jld.24 (30)
Tarikh : 19 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**KELULUSAN KADAR BAYARAN PENGINAPAN, MAKAN MINUM DAN
TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM BAGI KATEGORI BUKAN
PENJAWAT AWAM JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Melulus bagi Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan **telah meluluskan** Penetapan Kadar Pembayaran Penginapan, Makan Minum Dan Tambang Pengangkutan Awam Bagi Kategori Bukan Penjawat Awam sebagai rujukan Ketua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

3. Pelaksanaan bayaran ini **berkuatkuasa pada 1 Jun 2021**. Jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan, pembelian hadiah berbentuk barangan, pemberian wang tunai, bayaran/tuntutan perjalanan/pengangkutan, bayaran makan minum, penginapan dan lain-lain yang terlibat bagi bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan hendaklah mematuhi had nilai perbelanjaan dan

PBM selaras dengan perenggan 4.1 WP10.9 - Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perbelanjaan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
i	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.
ii	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
iii	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (tanpa had nilai)

4. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan semua peraturan kewangan berkuatkuasa dipatuhi dan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan teratur. Jabatan amat menekankan pematuhan kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan pelanggaran peraturan tersebut perlu diberi perhatian yang serius bagi mengelakkan prestasi Kewangan Jabatan terjejas.

5. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pembayaran Penginapan, Makan Minum Dan Tambang Pengangkutan Awam Bagi Kategori Bukan Penjawat Awam untuk perhatian dan tindakan pihak YBrs. Dr./tuan/puan selanjutnya. Garis Panduan ini juga boleh dimuatnaik di dalam portal JKM.


6. Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan dalam mematuhi tatacara kewangan berkuatkuasa ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MARHANUM BINTI M. HANIFF)

b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

s.k.:

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Pengarah
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
2. Pengarah
Bahagian Kanak- Kanak
3. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
4. Pengarah
Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan
5. Pengarah
Bahagian Kebajikan Produktif
6. Pengarah
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
7. Pengarah
Bahagian Kawalan Standard
8. Pengarah
Bahagian Komuniti
9. Pengarah
Bahagian Warga Emas
10. Pengarah
Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat
11. Pengarah
Bahagian Kaunseling dan Psikologi
12. Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat

SENARAI EDARAN LUAR

1. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Tingkat 2 Bangunan Darul Ehsan
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam
SELANGOR

2. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak
Lot 1516, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK

3. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
Aras Bawah, Blok C, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
KEDAH

4. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
Blok 7, Kompleks Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu
KELANTAN

5. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 9, Grand Seasons Avenue
No. 72, Jalan Pahang
53000 KUALA LUMPUR

6. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor
Tingkat 4, Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80000 Johor Bahru
JOHOR

7. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
Wisma Kebajikan, Lot 4273, Blok 14
Off Jalan Siol Kanan
93050 Kuching
SARAWAK
8. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
Tingkat 1, Wisma Negeri
Jalan Pejabat
20564 Kuala Terengganu
TERENGGANU
9. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
Jalan Tanah Putih
25100 Kuantan
PAHANG
10. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
Lapisan 35, Menara Komtar
10564 PULAU PINANG
11. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah
Tingkat 4 & 5, Wisma Kebajikan
Jalan Sembulan
88999 Kota Kinabalu
SABAH
12. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan
Tingkat 1B, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70000 Seremban
NEGERI SEMBILAN

13. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka
No. 36-2, Tingkat 2, Jalan KC 1
Bangunan Kota Cemerlang
75450 Lebuhraya Air Keroh
MELAKA

14. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Kompleks Pejabat
Kerajaan Negeri Perlis
01000 Kangar
PERLIS

15. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan Labuan
3(1) Tingkat 3, Blok 4, Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, P.S. 205,
87008 LABUAN



GARIS PANDUAN PEMBAYARAN PENGINAPAN, MAKAN MINUM DAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM BAGI KATEGORI BUKAN PENJAWAT AWAM

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan pembayaran tuntutan penginapan, makan minum dan tambang pengangkutan awam bagi bukan penjawat awam di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Permohonan kelulusan kadar kelayakan penginapan dan makan minum bagi bukan penjawat awam telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan rujukan KK/BPA/WAI28/547/1 sk.5/2016(3) bertarikh 16 Mei 2016 seperti di **Lampiran 1**.
- 2.2 Kelulusan Kementerian Kewangan tersebut tidak merangkumi tiga kategori tambahan baharu iaitu:
 - i) Peserta bukan penjawat awam dalam negara:
 - a. Ibu bapa/ Penjaga Kumpulan Sasar JKM; dan
 - b. Orang Awam
 - ii) Peserta bukan penjawat awam luar negara:
 - a. Pakar (*Specialist*)

- 2.3 Kelulusan tersebut tidak dipanjangkan untuk kegunaan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Wilayah Persekutuan Labuan.
- 2.4 Buat masa ini, tiada kelulusan kadar yang ditetapkan oleh Jabatan bagi kategori bukan penjawat awam yang diiringi oleh pegawai JKM bagi urusan rasmi Jabatan seperti menghadiri perbicaraan di mahkamah dan penempatan secara sementara atau tetap ke institusi JKM yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM).
- 2.5 Objektif penetapan kadar kelayakan penginapan, makan minum dan tambang pengangkutan awam bagi bukan penjawat awam adalah seperti berikut:
 - 2.5.1 Penyeragaman dan penyelarasan kadar yang menyeluruh dapat diguna pakai oleh semua PTJ di JKM;
 - 2.5.2 Penyeragaman tatacara pengurusan bayaran kepada kategori bukan penjawat awam. Buat masa kini, PTJ membuat bayaran balik kepada pegawai kes melalui Panjar Wang Runcit dan Tuntutan bertugas rasmi;
 - 2.5.3 Semua PTJ mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan tidak mengikut amalan sedia ada;
 - 2.5.4 Langkah penambahbaikan terhadap proses sedia ada agar tidak menjadi teguran audit di masa hadapan; dan
 - 2.5.5 PTJ mengamalkan perbelanjaan berhemah yang menjamin penjimatan wang awam (*Value For Money*).

3. KATEGORI BUKAN PENJAWAT AWAM

3.1 Kategori bukan penjawat awam di bawah JKM adalah seperti berikut:

3.1.1 Kumpulan sasar JKM yang terdiri daripada:

- i. Kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun;
- ii. Warga Emas yang berumur 60 tahun dan ke atas;
- iii. Orang Kurang Upaya (OKU);
- iv. Sukarelawan kebajikan yang berdaftar dengan JKM;
- v. Penerima bantuan Kebajikan Masyarakat;
- vi. Pesalah Muda yang menjalani Perintah Khidmat Masyarakat; dan
- vii. Penghuni Institusi JKM; dan
- viii. Pengemis/gelandangan.

3.1.2 Kumpulan sokongan kumpulan sasar JKM yang terdiri daripada:

- i. Siswazah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS);
- ii. Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE);

- iii. Jurubahasa dan jurubahasa isyarat/tulisan braille;
- iv. Ibu bapa/penjaga kumpulan sasar JKM; dan
- v. Pembantu pelindung.

3.1.3 Kumpulan Jawatankuasa Perkhidmatan Jabatan yang terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa berkaitan kanak-kanak yang menguruskan pentadbiran PAKK;
- ii. Jawatankuasa berkaitan warga emas yang menguruskan pentadbiran PAWE dan UPWE;
- iii. Jawatankuasa berkaitan orang kurang upaya yang menguruskan pentadbiran PDK;
- iv. Jawatankuasa berkaitan komuniti atau sukarelawan yang menguruskan pentadbiran dalam komuniti atau sukarelawan kebajikan seperti Pasukan Pelindung Kanak-Kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK), Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK), dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's) berasaskan kebajikan;
- v. Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MBKK), Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) yang dilantik secara rasmi oleh YB Menteri; dan

- vi. Jawatankuasa Lembaga Pelawat dan Lembaga Pengurus yang dilantik secara rasmi mewakili institusi-institusi JKM.

3.1.4 Kumpulan individu/perseorangan Bukan Penjawat Awam yang terdiri daripada:

- i. Penerima Anugerah atau pengiktirafan Jabatan terdiri daripada mereka yang telah mengharumkan nama Jabatan melalui tapisan atau Panel Pemilihan yang diiktiraf;
- ii. Pengiring yang terdiri daripada ahli keluarga atau orang perseorangan yang mengiringi Penerima Anugerah dan Ahli Majlis yang terdiri daripada kanak-kanak, warga emas dan OKU yang hadir ke mesyuarat atau majlis rasmi JKM;
- iii. Penceramah, fasilitator, ahli panel forum, moderator, panel sidang pengarang jurnal dan juri/hakim pertandingan yang dilantik dan terpilih daripada kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan kepakaran yang berkaitan perkhidmatan dan kumpulan sasar Jabatan;
- iv. Pesara kerajaan yang pernah berkhidmat dalam Jabatan dan agensi kerajaan yang mempunyai pengalaman, kemahiran dan pengetahuan dalam bidang masing-masing;

- v. Seseorang individu yang mendapat arahan perintah mahkamah atau diarahkan untuk ditempatkan secara sementara atau tetap ke mana-mana institusi JKM yang diiringi oleh pegawai JKM; dan
- vi. Orang awam yang terlibat atau dijemput untuk menyertai program/aktiviti yang dirancang oleh Jabatan dan Kementerian.

4. PELAKSANAAN

4.1 **Kadar kelayakan** adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Kadar kelayakan bagi bukan penjawat awam yang terdiri daripada peserta dari dalam negara adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 4.1.2 Kadar kelayakan bagi peserta bukan penjawat awam dari luar negara yang hadir ke Malaysia adalah pada kadar maksimum seperti di **Lampiran 3**.
- 4.1.3 Kadar kelayakan bagi bukan penjawat awam yang diiringi oleh Pegawai JKM semasa bertugas rasmi untuk menghadiri perbicaraan di mahkamah atau penempatan sementara atau tetap ke Institusi JKM yang diluluskan adalah seperti di **Lampiran 4**.

4.1.4 Nisbah kadar hidangan bagi program yang dilaksanakan secara harian adalah seperti berikut:

Bil.	Hidangan	Kadar
1.	Minum pagi	20%
2.	Makan tengah hari	40%
3.	Minum petang	20%
4.	Makan malam	40%

4.1.5 Nisbah hidangan adalah daripada kadar penuh yang diluluskan mengikut kategori bukan penjawat awam dan tidak boleh dikumpulkan nisbah hidangan menjadi kiraan satu hari. Kadar ini mengambil kira andaian sekiranya program yang diatur melibatkan minum petang tanpa melibatkan makan malam.

4.1.6 Kadar kelayakan penginapan adalah berdasarkan kepada syarat keperluan peserta bermalam. Urus setia yang terlibat perlu merancang aktiviti/program dengan baik. Contohnya: aktiviti/program bermula selewat-lewatnya pada Jam 3.00 petang pada hari pertama dan akan tamat pada hari terakhir Jam 12.00 tengah hari. Penentuan masa ini perlu dipatuhi bagi memenuhi justifikasi *value for money* untuk menginap.

4.1.7 Penjaga kumpulan sasar yang terdiri daripada ahli keluarga atau orang perseorangan yang mengiring Penerima Anugerah dan Ahli Majlis iaitu OKU, Warga Emas dan Kanak-Kanak yang hadir ke mesyuarat atau majlis rasmi Jabatan hendaklah menginap bersama Penerima Anugerah dan Ahli Majlis yang dilantik.

- 4.1.8 Penetapan kadar makan/minum dan penginapan adalah bagi tujuan pengiraan perbandingan pakej dan makan/minum yang ditawarkan oleh hotel/Institusi Latihan Awam/penyedia kemudahan yang lain dengan kelayakan individu. Kadar makan/minum dan penginapan ini **tidak boleh dituntut** oleh peserta.
- 4.1.9 Kemudahan makan/minum dan tambang pengangkutan awam (sekiranya perlu) yang didahulukan oleh pegawai JKM bagi urusan rasmi Jabatan seperti menghadiri perbicaraan di mahkamah dan penempatan secara sementara atau tetap ke institusi JKM yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM), pegawai tersebut dibenarkan untuk membuat tuntutan bayaran balik dengan mengemukakan resit asal.
- 4.1.10 Nisbah hidangan seperti di para 4.1.4 adalah terpakai kepada pegawai JKM yang mengiringi seseorang individu sekiranya melibatkan perjalanan yang tidak bermalam.
- 4.1.11 Urus setia aktiviti/program perlu mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi kemudahan kapal terbang yang perlu disediakan untuk peserta bukan penjawat awam yang dijemput untuk menyertai program Jabatan berdasarkan kadar yang diluluskan.
- 4.1.12 Urus setia program adalah bertanggungjawab sekiranya peserta tersebut tidak dapat menaiki kapal terbang mengikut waktu yang telah ditetapkan disebabkan urusan peribadi.

4.2 Aktiviti/program yang layak dibayar adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan pada hari-hari sambutan Jabatan;
- ii. Penyertaan dalam latihan/ kursus/ bengkel/ persidangan;
- iii. Penyertaan dalam program/aktiviti Jabatan;
- iv. Jemputan ke majlis dan mesyuarat rasmi Jabatan;
- v. Jemputan ke majlis pengiktirafan dan anugerah Jabatan;
- vi. Menjadi perwakilan dan ahli majlis;
- vii. Pelantikan sebagai ahli panel, pembentangan kertas, moderator, penceramah dan fasilitator;
- viii. Individu yang diarahkan untuk menghadiri perbicaraan di mahkamah dengan diiringi oleh pegawai JKM yang dilantik;
- ix. Individu yang diserahkan kepada JKM bagi penempatan sementara atau tetap ke mana-mana institusi yang diluluskan oleh KPKM dengan diiringi oleh pegawai JKM; dan
- x. Lain-lain penglibatan yang dianjurkan oleh Jabatan sepanjang masa.

4.3 Kuasa Dan Pegawai Pelulus

Kelulusan aktiviti/program hendaklah merujuk kepada kadar kelayakan dan syarat yang telah ditetapkan. Kuasa dan pegawai pelulus mengikut aktiviti/program adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti/Program	Pegawai Pelulus
1.	Hari Sambutan Jabatan (Hari OKU, Warga Emas dan Kanak-kanak)	Pegawai Pengawal
2.	Program sedia ada di di peringkat Ibu Pejabat	Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
3.	Program sedia ada di di peringkat Negeri, Daerah dan Institusi JKM.	Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

4.4 Syarat Pembayaran

4.4.1 Jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan, pembelian hadiah berbentuk barangan, pemberian wang tunai, bayaran/tuntutan perjalanan/pengangkutan, bayaran makan minum, penginapan dan lain-lain yang terlibat bagi bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan hendaklah **mematuhi had nilai perbelanjaan dan PBM selaras dengan perenggan 4.1 WP10.9 - Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan** seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perbelanjaan	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
i	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.
ii	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga
lii	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (tanpa had nilai)

- 4.4.2 Pembayaran menggunakan Pesanan Kerajaan hendaklah tidak melebihi tempoh 14 hari daripada tarikh invois yang dikunci masuk oleh pembekal di dalam sistem ePerolehan.
- 4.4.3 Pengesahan penerimaan perkhidmatan hendaklah disahkan oleh penganjur/penyelia sebelum permohonan bayaran dikemukakan ke Unit Kewangan.
- 4.4.4 Pembayaran tuntutan ini hendaklah dibuat melalui borang Tuntutan Eskot (Borang BP/JKM/Kew17) seperti di **Lampiran 5** dan disahkan oleh Ketua Jabatan.
- 4.4.5 Tuntutan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat dari 10 hari dalam bulan berikutnya** dan hanya satu tuntutan sahaja dibenarkan bagi setiap perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Pegawai boleh mengemukakan beberapa tuntutan sekiranya melibatkan klien yang berlainan dengan

menggunakan borang tuntutan yang sama pada bulan yang sama.

4.4.6 Tuntutan bagi perkhidmatan pada bulan Disember adalah tertakluk kepada arahan Penutupan Akhir Tahun dan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a).

4.4.7 Tuntutan ini hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

4.5 **Kaedah Pembayaran**

4.5.1 Pembayaran tuntutan ini akan diproses oleh Unit Kewangan di PTJ masing-masing.

4.5.2 Modul dengan Pesanan Kerajaan (LO) kepada pembekal atau syarikat yang dilantik dan Modul Invois Tanpa Pesanan Tempatan (PT) (Jenis K2) bagi tuntutan bayaran balik pegawai Jabatan.

4.5.3 Penggunaan **peruntukan sedia ada** bagi pembayaran tuntutan ini.

4.5.4 Kod akaun bagi tuntutan ini adalah merujuk kepada **SPANM Bilangan 10 Tahun 2017** - Carta Akaun Asas Akruan.

4.6 Dokumen Sokongan

- 4.6.1 Borang Senarai Semak Invois Tanpa Pesanan Tempatan seperti di **Lampiran 6**.
- 4.6.2 Surat arahan mahkamah/surat jemputan program/aktiviti;
- 4.6.3 Salinan kad pengenalan/pasport;
- 4.6.4 Salinan penyata akaun bank yang terkini dan aktif;
- 4.6.5 Semua dokumen sokongan yang dilampirkan bersama hendaklah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan.

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk:

- (a) memastikan setiap kelulusan peserta yang mengikuti sebarang latihan, program/aktiviti, majlis dan urusan rasmi Jabatan hendaklah mematuhi peraturan perolehan dan kewangan yang berkuatkuasa serta undang-undang di dalam Akta-akta di bawah JKM.
- (b) membuat perakuan tuntutan adalah benar dan mematuhi peraturan Kewangan berkuatkuasa;
- (c) membuat semakan dan pengesahan bagi setiap tuntutan elaun berdasarkan borang tuntutan; dan
- (d) memastikan pembayaran diuruskan dengan cekap dan teratur berdasarkan peruntukan dan peraturan yang berkuat kuasa. Tuntutan bagi bulan Disember tahun semasa boleh diuruskan pada bulan Januari tahun berikutnya.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pelaksanaan bayaran ini **berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021** seperti kelulusan Pihak Berkuasa Melulus rujukan Rujukan: JKM/100/01/1/1 Jld. 24 (27) bertarikh 19 Mei 2021 di **Lampiran 7**.

7. PEMAKAIAN

7.1 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

7.2 Garis panduan ini hendaklah dipanjangkan kepada semua pegawai di Ibu Pejabat, JKM Negeri, PKMD/B/J dan Institusi JKM untuk diterima pakai.

8. UMUM

8.1 Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada garis panduan ini.

9. PERTANYAAN


9.1 Pertanyaan mengenai panduan ini boleh dikemukakan kepada:

**Unit Kewangan
Bahagian Pengurusan
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 18, No. 55 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Telefon: 03-8323 1766/1900**

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

19 Mei 2021




KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
 : 03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

KK/BPA/WAJ/28/547/1 sk.5/2016(3)

Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Bahagian Pengurusan
Aras 6, 9-18
No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

(u.p.: Encik Mohd Hazli bin Ahmad@ Adnan)



16 Mei 2016

Faks : 03-8323 2045



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN KADAR KELAYAKAN PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM KEPADA BUKAN PENJAWAT AWAM

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan, JKM 300/02/13 JLD.9 (41) bertarikh 20 April 2016 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Perbendaharaan telah meneliti permohonan tersebut dan tiada halangan dengan cadangan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi penetapan kadar penginapan dan makan minum bagi penyertaan peserta bukan penjawat awam untuk aktiviti/program/kursus yang dianjurkan oleh JKM diluluskan seperti berikut:

i. Peserta bukan penjawat awam dalam negara

Peserta	Kadar yang diluluskan (RM)			
	Semenanjung		Sabah/Sarawak	
	Penginapan	Makan/ minum	Penginapan	Makan/ minum
Kanak-kanak/Warga Emas/OKU/Pesalah Muda/Sukarelawan Kebajikan/Penghuni Institusi Kebajikan	65.00	35.00	80.00	50.00
Siswazah	80.00	40.00	100.00	55.00
Petugas PDK/PAKK/PAWE	80.00	40.00	100.00	55.00
Jurubahasa Isyarat/tulisan Braille	80.00	40.00	100.00	55.00
JK PAWE/ PAKK /PDK/ PSK/ JKKD / PPKK/ NGO's	130.00	45.00	140.00	65.00
MKBOKU/ MPPWEN/ MPPKK	145.00	60.00	160.00	80.00
Lembaga Pelawat	130.00	45.00	140.00	65.00
Penerima Anugerah	130.00	45.00	140.00	65.00
Pesara JKM	145.00	60.00	160.00	80.00
Penceramah/ Ahli Panel Forum/ Sidang Pengarang Jurnal	145.00	60.00	160.00	80.00

ii. Peserta bukan penjawat awam luar negara

Bil.	Peserta	Kadar yang diluluskan		
		Penginapan (RM)	Makan/minum (RM)	Tiket kapal terbang (RM)
1.	Penceramah/ Ahli Panel Forum/ Moderator	400.00	115.00	Kelas Ekonomi
2.	Peserta	240.00	100.00	Kelas Ekonomi

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Program/kursus diluluskan oleh Pegawai Pengawal;
- ii. Peruntukan mencukupi dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal; dan
- iii. Mematuhi peraturan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ROMLI BIN DAI)

Bahagian Pengurusan Aset Awam
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

☎ : 03-8882 3666
☎ : 03-8882 3869
✉ : romli.dai@treasury.gov.my

s.k.:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Kewangan
No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
(u.p: Encik Ahmad Firdaus bin Baharuddin)

- TKSP(I)

Baharudin,

Baharudin.

BAHAGIAN PENGURUSAN

KPPK/PIPSM	<input type="checkbox"/>	KPP/PMW & TD	<input type="checkbox"/>
KPP/PERO & AT	<input type="checkbox"/>	KPP/PLK	<input type="checkbox"/>
Akauntan	<input type="checkbox"/>	PRO	<input type="checkbox"/>
Tradakan	<input type="checkbox"/>	PA	<input type="checkbox"/>
Sia Bincang	<input type="checkbox"/>	Makluman	<input type="checkbox"/>
Utusan	<input type="checkbox"/>	Senang	<input type="checkbox"/>
		Hasil	<input type="checkbox"/>

Tarikh: _____

23/5/2016.

LAMPIRAN 2

Kadar Kelayakan Kemudahan Kepada Bukan Penjawat Awam Dalam Negara

Bil	Perkara	Semenanjung			Sabah/Sarawak/Labuan		
		Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang	Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang
1	Kanak-kanak/ Warga Emas/ OKU/ Pesalah Muda/ Sukarelawan Kebajikan / Penghuni Institusi Kebajikan/ Pengemis/ Gelandangan	65.00	35.00	Kelas Ekonomi	80.00	50.00	Kelas Ekonomi
2	Siswazah IPT	80.00	40.00	Kelas Ekonomi	100.00	55.00	Kelas Ekonomi
3	Petugas PDK/PAKK/PAWE/UPWE	80.00	40.00	Kelas Ekonomi	100.00	55.00	Kelas Ekonomi
4	Jurubahasa/Jurubahasa Isyarat/tulisan Braille	80.00	40.00	Kelas Ekonomi	100.00	55.00	Kelas Ekonomi
5	JK PAWE/PAKK/PDK/PSK JKKD/PPKK/ NGO'S/PKPK/UPWE	130.00	45.00	Kelas Ekonomi	140.00	65.00	Kelas Ekonomi
6	MKBOKU/ MPPWEN/ MPPKK	145.00	60.00	Kelas Ekonomi	160.00	80.00	Kelas Ekonomi

Bil	Perkara	Semenanjung			Sabah/Sarawak/Labuan		
		Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang	Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang
7	Lembaga Pelawat/Pengurus	130.00	45.00	Kelas Ekonomi	140.00	65.00	Kelas Ekonomi
8	Penerima Anugerah	130.00	45.00	Kelas Ekonomi	140.00	65.00	Kelas Ekonomi
9	Pesara Kerajaan	145.00	60.00	Kelas Ekonomi	160.00	80.00	Kelas Ekonomi
10	Penceramah/Ahli Panel Forum/Sidang Pengarang Jurnal/ Moderator/Juri/Hakim Pertandingan/Fasilitator	145.00	60.00	Kelas Ekonomi	160.00	80.00	Kelas Ekonomi
11	Ibu bapa/ Penjaga Kumpulan Sasar JKM	65.00	35.00	Kelas Ekonomi	80.00	50.00	Kelas Ekonomi
12	Orang Awam	65.00	35.00	Kelas Ekonomi	80.00	50.00	Kelas Ekonomi

LAMPIRAN 3

Kadar Kelayakan Kemudahan Kepada Bukan Penjawat Awam Luar Negara

Bil	Perkara	Penginapan (RM)	Makan/ Minum (RM)	Tiket Kapal Terbang
1	Penceramah/Ahli Panel Forum/Moderator	400.00	115.00	Kelas Ekonomi
2	Peserta	240.00	100.00	Kelas Ekonomi
3	Pakar (<i>Specialist</i>)	500.00	200.00	Kelas Perniagaan

LAMPIRAN 4

Kadar Kelayakan Kemudahan Kepada Bukan Penjawat Awam Yang Diiringi Oleh Pegawai JKM

Bil	Perkara	Semenanjung			Sabah/Sarawak/Labuan		
		Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang	Penginapan (RM)	Makan/Minum (RM)	Tambang Pengangkutan Awam termasuk Kapal Terbang
1	Kumpulan Sasar JKM/ Orang Awam	65.00	35.00	Kelas Ekonomi	80.00	50.00	Kelas Ekonomi



Borang BP/JKM/Kew17

**BORANG TUNTUTAN ESKOT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

Bulan : _____ Tahun : _____

NOTA: Sila lampirkan Senarai Semak Bayaran berserta surat arahan, resit asal dan lain-lain dokumen yang telah disahkan untuk dikemukakan ke Unit Kewangan selewat-lewatnya 10 hari pada bulan berikutnya atau sebelum Tarikh Penutupan Akhir Tahun

BAHAGIAN A: (Diisi oleh Pemohon)

i. NAMA : _____

ii. NO. KAD PENGENALAN : _____

iii. NO. AKAUN BANK : _____

iv. NAMA & ALAMAT BANK : _____

v. ALAMAT PEJABAT : _____

vii. NO. TEL BIMBIT : _____ EMEL : _____

BUTIR - BUTIR TUNTUTAN	JUMLAH BAYARAN
KUMPULAN PERIHAL / KADAR BAYARAN	
i. Tuntutan makan minum klien jabatan	
(_____ orang X Kadar Makan/Minum sebanyak RM _____/hari)	RM _____
(_____ orang X Kadar Makan/Minum sebanyak RM _____/hari (60%))	RM _____
(_____ orang X Kadar Makan/Minum sebanyak RM _____/hari (40%))	RM _____
ii. Tuntutan penginapan klien jabatan	
(_____ orang X Kadar Penginapan sebanyak RM _____/hari)	RM _____
iii. Tuntutan tambang pengangkutan awam klien jabatan	
(_____ orang X No. Resit _____)	RM _____
JUMLAH KESELURUHAN	RM

Saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.

(Tandatangan Pemohon)

Tarikh: _____

BAHAGIAN B: Pengesahan dan kelulusan Ketua Jabatan

Disahkan bahawa pegawai seperti nama di atas telah menjalankan tugas seperti yang diarahkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan & Cop Nama)

Tarikh: _____



Unit Kewangan
Bahagian Pengurusan
Jabatan Kebajikan Masyarakat

**BORANG SENARAI SEMAK
INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN
(PEMBAYARAN ESKOT)**

Nama :
Pegawai :
Bahagian :
No. Tel :

ARAHAN

- (a) Semak dokumen dan tandakan pada kotak yang disediakan.
- (b) Pastikan hanya dokumen yang lengkap sahaja dikemukakan ke Unit Kewangan untuk mengelakkan daripada borang dikembalikan dan kelewatan proses bayaran.
- (c) Pastikan dokumen mengikut susunan
- (d) Pastikan semua salinan dokumen hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan / Bahagian / Seksyen

	Semakan Pemohon	Semakan Unit Kew.
1 Borang tuntutan telah diisi dengan lengkap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2 Surat Arahan/Jemputan Jabatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3 Salinan Kad Pengenalan/ Pasport	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4 Salinan Penyata Akaun Bank (Terkini dan Aktif)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5 Lain-lain Dokumen (Nyatakan: _____)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNTUK KEGUNAAN UNIT KEWANGAN

<input type="checkbox"/> Dokumen lengkap untuk proses bayaran.	Tangk Dokumen Dikembalikan
<input type="checkbox"/> Dokumen dikembalikan kepada Pemohon kerana : _____ _____	
Tandatangan Penyemak & Cop Tangk:	Tandatangan Pengesah & Cop Tangk:


Rujukan: JKM/100/01/1/1 Jld. 24 (27)

KEPUTUSAN
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

PERMOHONAN KELULUSAN PENETAPAN KADAR BAYARAN
BAGI PENGINAPAN, MAKAN MINUM DAN TAMBANG
PENGANGKUTAN AWAM BAGI KATEGORI BUKAN PENJAWAT
AWAM DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

DILULUSKAN / ~~TIDAK DILULUSKAN~~

*Mohon patuhi semua prosedur dan ketetapan
yang sedang berkuatkuasa.*


(FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH)
TKP (O)
b.p. KPKM

Tarikh: 19 Mei 2021